

A Model Rasa Insaniah (Sense of Humanity) in The Character and Professionalism of The Malay Language Teacher

Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil

Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor,
Malaysia

Email: s_shamsudin@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/20379> DOI:10.6007/IJARBS/v13-i12/20379

Published Date: 27 December 2023

Abstrak

Guru Bahasa Melayu kini sedang berhadapan dengan situasi sangat mencabar dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu khususnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa penghantar dalam sistem pendidikan negara. Para guru Bahasa Melayu berjuang mempertahankan nasib bahasa Melayu yang mula sinis dengan cabaran bahasa ilmu dalam persada pendidikan antarabangsa. Penulisan ini akan memperlihatkan bagaimana Model Rasa Insaniah (MRI), dapat menjadi pemangkin kepada daya tahan guru Bahasa Melayu ketika berhadapan dengan cabaran yang menekan itu. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan, iaitu dengan memperlihatkan kehadiran Model Rasa Insaniah (MRI) dalam perwatakan guru Bahasa Melayu, khususnya terhadap tanggungjawab sebagai pendidik bahasa dan pengerak model insan. Penulisan bersifat aplikasi konseptual ini akan menjelaskan sejauh mana MRI yang terdiri daripada tiga prinsip utama, iaitu (1) Prinsip Pengabdian kepada Allah SWT, (2) Prinsip pengucapan Beradab, dan (3) Prinsip kehalusan makna agar dapat dijadikan sandaran bagi mengupas nilai dan sahsiah kerjaya keguruan guru Bahasa Melayu. Selaras dengan itu, penulisan ini akan memperlihatkan keperluan sifat insaniah seorang guru bahasa Melayu terhadap Penciptanya seperti yang termaktub dalam prinsip pertama MRI, iaitu guru adalah makhluk yang tertakhluk kepada prinsip Pengabdian kepada Allah SWT. Hal ini sejajar dengan tuntutan dan keperluan KPM untuk melihat karektr guru-guru Bahasa Melayu seperti bukan sahaja menguasai pedagogi bahasa Melayu tetapi turut megamalkan konsep berbahasa, iaitu yang merujuk kepada pengetahuan beradab, berakhlak mulia atau 'pandai bahasa' serta mempunyai ciri-ciri sifat kerasulan sebagai penyampai ilmu juga pelaksana matlamat pendidikan negara.

Kata Kunci: profesionalisme, karektrisme, pengabdian, insaniah, guru Bahasa Melayu

Abstract

Malay Language teachers are currently facing a very challenging situation in their efforts to dignify Bahasa Malay, especially as the official language and the medium of instruction in the national education system. The Malay language teachers are fighting to defend the fate of the Malay language which is beginning to be cynical with the challenge of the language of knowledge in the international education scene. This writing will show how the Model Rasa Insaniah (MRI) can catalyst for the resilience of Malay teachers when faced with pressing challenges. This study uses the literature review method, which is to show the presence of the Model Rasa Insaniah (MRI) in the personality (characteristics) of Malay teachers, especially regarding their responsibilities as language educators and human models. This conceptual application writing will explain the extent to which MRI consists of three main principles, namely (1) The Principle of Devotion to Allah SWT, (2) The Principle of Civilized Pronunciation, and (3) The Principle of Subtlety of Meaning so that it can be used as a basis for examining values and personalities teaching career of Malay teachers. In line with that, this writing will show the need for the human nature of a Malay language teacher towards his Creator as stated in the first principle of MRI, which is that teachers are creatures subject to the principle of Devotion to Allah SWT. This is in line with the KPM's demands and requirements to see the character of Malay teachers as not only mastering Malay pedagogy but also practicing the concept of language, which refers to the instilling of civilized, noble character or 'linguistic skills' and has the characteristics of apostolic nature as a communicator of knowledge as well as an implementer of national education goals.

Keywords: Professionalism, Character, Dedication, Human Nature, Malay Teacher

Pengenalan

Guru Bahasa Melayu mutakhir ini sedang berhadapan dengan situasi sangat mencabar dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu khususnya dalam hasrat memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa penghantar dalam sistem pendidikan negara. Para guru Bahasa Melayu dilihat sedang gigih berhadapan dengan cabaran era globalisasi yang sangat menguji kedudukan atau nasib bahasa Melayu di persada ilmu negara.

Akta dan kepentingan Bahasa Melayu ini dapat dilihat dalam status keperluan penjawat awam seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara, iaitu merealisasikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam sistem pendidikan negara (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/2002). Hal ini bermakna, kelulusan cemerlang Bahasa Melayu ini akan dapat menentukan kelangsungan pendidikan rakyat Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi di dalam mahupun luar negara. Peraturan ini sesungguhnya secara langsung telah meletakkan darjat Bahasa Melayu kepada satu kedudukan yang sangat istimewa dalam sistem pendidikan negara dan guru-guru di Malaysia khususnya.

Oleh itu, dalam tuntutan yang mencabar itu, guru Bahasa Melayu bukan sahaja perlu melengkapkan diri dengan penguasaan pedagogi bahasa Melayu sebaliknya lebih penting daripada itu ialah para guru bahasa Melayu perlu melengkapkan diri dengan konsep 'berbahasa' yang sebenar, iaitu meladeni konsep adab, akhlak atau dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah menjelmakan guru bahasa yang berwatak (karakterisme) sejajar dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Hal ini juga sejajar dengan kenyataan Muhyiddin Hj. Mohd Yassin (2020), iaitu

"Kerajaan komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang. Tranformasi pendidikan ini bermatlamat

melengkapkan setiap murid di negara kita dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk merebut peluang dan menangani cabaran abad 21. Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara termaju didunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap, memperkasa nilai insaniah dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan diperingkat global.”

Justeru, dalam hakikat memperkasa pedagogi bahasa, maka seseorang guru bahasa itu perlu melengkapkan diri dengan kefahaman falsafah bahasa, kandungan pedagogi kemahiran berbahasa dan keterkaitannya dengan konsep kesempurnaan akhlak, adab atau menguasai ciri-ciri insaniah yang luas cakupan maknanya (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Justeru penulisan ini akan memperlihatkan bagaimana Model Rasa Insaniah (MRI) dapat menjadi pemangkin kepada daya tahan guru Bahasa Melayu ketika berhadapan dengan cabaran yang berjungkir-balik khususnya profesionalisme guru bahasa Melayu yang berhadapan dengan delima dan sistem pengurusan dan pendidikan negara (Shamsudin Othman & Ghazali Lateh, 2016).

Konsep Berbahasa Dalam Profesionalisme Guru Bahasa Melayu


Pengertian berbahasa dalam konteks pendidikan adalah sangat akrab, iaitu merujuk kepada adab, akhlak dan sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh seseorang guru khususnya dalam keterlihatan kemahiran lisan, kemahiran baca dan kemahiran menulis. Ketiga-tiganya perlu seiring dalam usaha melahirkan insan cemerlang dan seimbang perwatakannya (Muhammad Uthman el-Muhammady, (1982). Hal ini bermakna, dalam usaha sistem pendidikan negara ingin melahirkan rakyat yang berwibawa dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI), secara sedar juga bahawa sistem pendidikan itu pada hakikatnya adalah ingin melahirkan masyarakat yang berintergriti, berdaya saing dan perkasa jati dirinya. Jika hal ini diambil kira maka konsep bahasa dan berbahasa merupakan aspek yang tidak boleh dikesampingkan (Ainun Rahmah Ibrahim et al., 2017). Sehubungan dengan itu, guru bahasa khususnya guru Bahasa Melayu merupakan manusia yang bertanggungjawab untuk memastikan hal yang dimaksudkan dapat dijalankan dengan baik.

Konsep berbahasa merujuk pandangan sarjana tempatan seperti Sidek Baba (2020), mahupun Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) adalah jelas, iaitu berbahasa ialah penguasaan terhadap kemahiran komunikasi yang dapat menggambarkan tahap intelektual sesuatu bangsa. Dan tentunya, di Malaysia ini, bahasa Melayu yang wujud sebelum ini telah diresapi pengaruh dari pelbagai tamadun lain khususnya tamadun Islam telah mewajarkan perwatakan perlu bersandar kepada nilai-nilai murni yang digariskan oleh agama Islam. Perkiraan ini membuktikan bahawa perwatakan seorang guru Bahasa Melayu merupakan seorang yang perlu mempunyai budaya ilmu yang memerlukan penguasaan adab dan akhlak yang mulia.

Cabaran pembelajaran bahasa Melayu dalam usaha memperkasa kemahiran berbahasa murid, iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis secara sendiri sangat berkait rapat dengan pengajaran guru (Yahya Othman, 2014). Pandangan ini turut dipersetujui oleh Shamsudin Othman and Ghazali Lateh (2016) yang menegaskan bahawa dalam proses PdP, seseorang guru Bahasa Melayu wajar menguasai (i) pengetahuan pedagogi; (ii) pengetahuan kandungan; (iii) menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif; (iv) melonjakkan ilmu pengetahuan murid dengan menggabung jalin kemahiran berbahasa bersama-sama

aktiviti penerokaan, pencarian maklumat, pelaporan dan menghasilkan produk yang mempunyai unsur Kemahiran Berfikir Atas Tinggi (KBAT), (iv) memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu dan (v) menampilkan ciri-ciri insaniah (berwatak atau berperibadi mulia). Tambahan pula, peranan guru itu sendiri yang menjadi penggerak kegiatan berfikir murid, berkomunikasi dan berinteraksi yang bertepatan dengan hasrat negara khususnya terhadap penerapan kemahiran insaniah dan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, dalam hal ini seseorang guru Bahasa Melayu perlu mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat yang berteraskan kemahiran insaniah seiring dengan pernyataan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025), iaitu setiap murid perlu membina kemahiran inkuiri dan belajar cara untuk terus mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat supaya boleh menghubungkan kait pelbagai pengetahuan, mewujudkan pengetahuan baharu serta dapat memperlihatkan perwatakan insaniah yang tinggi.

Melihat kepada peri pentingnya penekanan nilai insaniah ini, maka hasrat merealisasikan aspek kemenjadian murid, adalah menjadi keperluan kepada guru bahasa Melayu dalam berusaha melahirkan individu yang berilmu, berkemahiran serta memiliki kekuatan spiritual dan sahsiah diri yang unggul (Zarina Abdul Rashid, 2016). Bagi menjayakan wawasan dan matlamat pendidikan ini, diharapkan guru-guru Bahasa Melayu perlu memiliki dan menguasai kekuatan ilmu, intelek yang tinggi, penguasaan kemahiran profesional yang mantap, diperkasakan dengan penguasaan kemahiran insaniah, penghayatan nilai dan etika keguruan serta kekuatan peribadi dan sahsiah yang terpuji seperti yang dirajahkan dalam Rajah 1 di bawah. Pengembelangan keempat-empat aspek pedagogi bahasa itu dalam rajah ini memperlihatkan kombinasi kemahiran berbahasa (3M), pengetahuan (pedagogi), budaya (warisan bangsa) dan agama (teras pengabdian kepada pencipta).



Rajah 1: Aspek Kemenjadian dan Perwatakan Guru Bahasa Melayu

Islam menyediakan umatnya dengan satu sistem kehidupan yang lengkap, sempurna dan indah. Jika dilihat dalam sistem pendidikan Bahasa Melayu di negara ini, tentunya sistem itu telah melalui fasa sejarah yang panjang bermula daripada peningkatan kemahiran lisan diikuti dengan kemahiran membaca, kemahiran menulis dan akhirnya kemahiran menaakul teks. Sistem kemahiran bahasa yang berjalan dalam proses mekanis itu telah melalui pelbagai perubahan kurikulum dan dasar berdasarkan kesesuaian masa dan zaman. Acuan ini akhirnya menjadi matlamat utama dalam tujuan pendidikan Bahasa Melayu, iaitu ingin melahirkan insan yang berupaya menampilkan tahap komunikasi diri seiring dengan penampilan adab, akhlak mulia dan akal budi (Shamsudin Othman, 2023: 10). Konsep 'berbahasa' yang menjadi inti pemikiran ini secara sedar akhirnya akan terpalit kepada cabaran dan peranan guru Bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini bermakna guru Bahasa Melayu akan dirujuk sebagai manusia yang pandai bahasa, berakhlak dan berprinsip terhadap

saranan pembentukan sahsiah murid selari dengan tuntutan profesionalisme guru Bahasa Melayu yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam hal ini, pandai bahasa yang digambarkan oleh para ilmuan ialah merujuk kepada manusia yang sempurna akal budi, iaitu menguasai budaya berbahasa sebagai satu proses percakapan harian tetapi lebih sangat terkait dengan konsep kesopanan, peradaban, kehalusan dan kebolehwacanaan yang membawa kepada kematangan roh, batin, cita-cita, semangat, perjuangan dan jati diri tulen dalam pengertian tamadun dan falsafah Melayu. Oleh itu, konsep pengajaran dan pengajaran (PdP) yang mengandungi unsur-unsur insaniah perlu difahami sedalam-dalamnya kerana pelaksanaannya mencakupi keseimbangan dunia dan akhirat (Lim Kong Teong et al., 2023).

Lanjutan daripada itu, konsep berbahasa itu secara harafiah dan taakulannya adalah satu asimilasi dalam kamus intelektual Melayu setamsil 'bahasa jiwa bangsa', 'tanpa bahasa tiada bangsa', 'bahasa melambangkan negara' atau 'bahasa mencerminkan peribadi' yang perlu dimiliki oleh guru Bahasa Melayu. Abu Hassan Din (1987), menjelaskan bahawa semua slogan tersebut memberi petunjuk bahawa bahasa itu bukanlah sesuatu yang calang atau boleh dikesampingkan kerana bahasa akan menentukan status bangsa, negara dan peribadi manusia itu sendiri. Hal ini menguatkan tujuan pendidikan bahasa, iaitu status dan kemenjadian murid sangat bergantung kepada tingkat komunikatif berbahasa yang dimiliki. Sebagai guru Bahasa Melayu, Transformasi terkini pendidikan di Malaysia adalah untuk membangunkan kemahiran abad-21 seperti berfikir kritis dan kreatif serta menggalakkan perkembangan sahsiah yang holistik dan seimbang (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025)). Oleh itu, penekanan utama kepada aspek pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu wajar mempunyai unsur-unsur Islam sebagai nilai tambah untuk melonjakkan pencapaian pendidikan ke tahap yang disegani. Dalam hal ini, perkaitan unsur-unsur Islam dan hubungannya dengan guru bahasa Melayu merupakan satu keperluan yang sangat wajar bagi tujuan melahirkan guru Bahasa Melayu yang dapat memperlihatkan satu perwatakan dan sikap profesionalisme yang tinggi serta berupaya menjadi ikon kepada murid. Kemenjadian guru juga akan dapat menzahirkan peribahasa Melayu, 'bagaimana acuan begitulah kuihnya' atau menyangkal peribahasa 'guru kencing berdiri anak murid kencing berlari' (Shamsudin Othman, 2023: 3).

Oleh itu, dalam penulisan ini, unsur Islam yang akan diketengahkan itu ialah Model Rasa Insaniah (MRI, Shamsudin Othman, 2023), iaitu satu model yang lebih khusus melihat perwatakan (keperibadian) guru yang dapat memenuhi tafsiran konsep guru, cikgu, pendidik, *murrabi* seperti yang dijelaskan oleh Islam juga selaras dengan tuntutan KPM. MRI ini diperkenalkan bagi mewajarkan bahawa gagasan ini akan menjadi pelengkap kepada hasrat KPM dalam usaha melahirkan guru yang dapat memenuhi ciri-ciri guru bahasa Melayu abad 21.

Menurut Zamri Mahamod (2020), sering kali mengaitkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu abad 21 merupakan guru yang perlu memenuhi ciri tertentu seperti berikut:


1. Guru Bahasa Melayu perlu menguasai kemahiran berbahasa (lisan, baca dan tulis) dengan baik.
2. Guru perlu menguasai subjek iaitu penguasaan kandungan kurikulum.
3. Mahir dan berketerampilan dalam pedagogi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.
4. Memahami perkembangan murid-murid dan menyayangi murid.
5. Memahami psikologi pembelajaran.
6. Memiliki kemahiran kaunseling.

7. Menggunakan teknologi terkini tidak kira semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mahupun di luar sesi tersebut.
8. Mewarisi sifat-sifat warisan akal budi Melayu.

Justeru, guru-guru Bahasa Melayu dalam perkembangan profesionalisme harus menguasai kemahiran pedagogi yang seiring dengan konsep 'berbahasa' dan komunikasi yang menjadi ciri penting pengajaran di dalam bilik darjah. Malah, kesedaran terhadap peri pentingnya perwatakan dan profesionalisme guru Bahasa Melayu ini adalah selaras dengan hasrat kemenjadian guru seperti mana yang digariskan dalam tuntutan kualiti perwatakan guru atau pembentukan guru berkualiti (Lim Kong Teong et al., 2023). Sehubungan dengan itu, pembinaan perwatakan, pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Melayu perlu setanding dengan guru-guru mata pelajaran lain yang dikatakan sedang berhadapan dengan masa depan mencabar (Marzni Mohamed Mokhtar et al., 2018).

Model Rasa Insaniah

Sepintas lalu, MRI ini merupakan satu model yang diperkenalkan oleh Shamsudin Othman (2023), iaitu model yang terhasil daripada kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D, di Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya). Model ini dihasilkan daripada penyesuaian gabungan tiga teori tempatan sedia ada, iaitu Teori Takmilah (Shafie Abu Bakar, 1991), Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1988) dan *Rasa-Fenomenologi* (Sohaimi Abd Aziz, 1998). Titik pertembungan ketiga-tiga teori ini ialah kemunculan gagasan terhadap inti pati makna yang bertunjangan prinsip Melayu-Islam, iaitu melihat sejauh mana individu dapat meletakkan perwatakan selaras dengan konsep berbuat baik dan mencegah kemungkaran (*ammar makruf nahi mungkar*). MRI ini terdiri daripada tiga prinsip utama, iaitu (1) Prinsip Pengabdian kepada Allah SWT, (2) Prinsip pengucapan Beradab, dan (3) Prinsip kehalusan makna. Ketiga-tiga prinsip ini mempunyai pertalian yang amat rapat antara tanggungjawab guru Bahasa Melayu dengan Allah SWT, iaitu dalam konteks hubungan hamba dan pencipta yang lebih dimesrai dengan sebutan konsep pengabdian (Shamsudin Othman, 2023: 63).



Rajah 2: Unsur Rasa Insaniah dalam Model Rasa Insaniah

Rajah 2 di atas menjelaskan bahawa fungsi guru Bahasa Melayu bukan sahaja tertakhluk kepada mengajar atau menyampaikan kemahiran lisan, baca, tulis dan menaakul tetapi lebih penting daripada itu ialah bagaimana pertautan antara pengabdian kepada Allah (amanah sebagai pendidik), pengucapan beradab (kemahiran komunikasi - peribadi guru) dan kehalusan makna (nilai eseteika dalam kurikulum) dapat dijemakan dalam PdP. Sehubungan dengan itu, hasrat MRI ialah melihat guru-guru Bahasa Melayu itu bukan sahaja seorang yang dapat menguasai strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam pengajaran sebaliknya guru-guru Bahasa Melayu itu sendiri perlu memiliki ciri-ciri keinsanan terpuji yang boleh dijadikan teladan. Dalam pengertian yang lebih mendalam ialah MRI ingin memperlihatkan penampilan guru Bahasa Melayu itu seperti insan yang sempurna keperibadian, iaitu guru yang bijak, berdaya kreatif, berinovasi, dedikasi, beriltizam, toleransi yang dikawal oleh unsur akhlak mulia (Shamsudin Othman, 2023: 15).

Falsafah MRI ini tidak dapat lari daripada konsep keindahan pengajaran bahasa yang menekankan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik PdP. Ketiga-tiga prinsip yang disebutkan ini merupakan gagasan yang lebih bersifat ideal dalam mencari jawapan terhadap keindahan pemahaman dan taakulan teks yang dipelajari. MRI meletakkan nilai penghayatan lebih utama dalam usaha meyakinkan kefahaman semantik dan linguistik. Hal ini kerana, tanpa penghayatan unsur insaniah yang baik, maka keupayaan guru Bahasa Melayu dilihat berada pada tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, penekanan kepada tiga aspek tersebut adalah perlu untuk menjamin seseorang guru Bahasa Melayu itu berkualiti (KPM, 2009) kerana sekolah sangat memerlukan guru Bahasa Melayu yang dapat menjadi ejen perubahan kepada pelajar serta mampu memberi impak kepada keberkesanan PdP (Jamilah Man, Yahya Don & Siti Noor Ismail, 2016).

Dalam konteks Rasa Insaniah ini, kedua-dua perkataan ini dilihat mempunyai hubungan yang rapat dengan makna etimologi Melayu-Islam. Istilah "rasa" merujuk kepada kesedaran perasaan hati ketika menikmati sesuatu yang terbit daripada unsur dalaman diri manusia. Rasa yang bersifat amat halus dan berseni daripada roh kurniaan Tuhan itu pula mempunyai hubungan dengan perasaan jasmaniah. Walau bagaimanapun, dalam Islam, istilah "rasa" ini dapat dikaitkan dengan unsur rohaniah yang merujuk kepada konsep pengabdian kepada Allah SWT (Shamsudin Othman, 2023: 31). Hal ini disentuh dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Ketahuilah ada seketul daging di dalam diri kamu, jika ia baik, maka baiklah seluruh jasad, jika ia rosak, maka rosaklah keseluruhannya. Ketahuilah, itulah adalah qalb (hati atau gerak rasa).

(Abdul Qadir al-Jailani, 1997: 10)

Istilah "insan" pula diambil daripada perkataan Arab yang membawa maksud manusia yang baik, bersih daripada noda serta lahir batin. Oleh itu, seperti yang dimaklumi, sifat insan yang menjadi ikutan contoh terbaik ialah sifat-sifat yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW, iaitu insan yang diutuskan oleh Allah SWT dengan akhlak yang mulia, diutuskan ke muka bumi ini dengan tujuan untuk membina dan menyempurnakan akhlak manusia. Akhlak manusia yang sempurna ialah akhlak yang terdiri daripada gabungan mantap antara akal dan budi (Ab. Aziz Mohd. Zin, 2003). Justeru, sifat-sifat insan yang sempurna ialah insan yang dapat menghubungkan jasmani dengan alam roh, iaitu daya fikir (akal) atau kebolehan untuk memahami disiplin ilmu yang boleh membezakan tindak-tanduk perasaan yang bersifat manusia atau haiwan (nafsu). MRI ini akhirnya, ingin menjelaskan bahawa seseorang guru bahasa Melayu yang baik ialah guru yang dalam diri dan karyanya teradun secara sedar akan nilai-nilai rasa insaniah yang mendorong berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Oleh itu, dalam hubungan kajian ini, unsur MRI yang merujuk kepada amalan PdP guru Bangsa Melayu itu adalah lebih menjurus kepada hakikat kejujuran dan kebenaran yang terdapat di dalam diri individu (guru dan murid) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai alat pertuturan seharian mereka. Hal ini disebabkan oleh kejujuran dan kebenaran yang menjadi ciri-ciri keindahan berbahasa itu mempunyai dua hubungan utama, iaitu hubungan hamba dengan Allah (*al-Khalid*) dan keduanya hubungan insan dengan sesama insan, iaitu yang merujuk kepada komunikasi dan interaksi berbahasa Melayu dengan masyarakatnya. Daripada falsafah yang bertunjangkan falsafah Melayu itu, maka model ini dapat menjelaskan apa-apa yang dirasai dan dapat menikmati sesuatu teks pada tahap yang lebih baik penghayatannya (Yasein Mohamed, 1997).

MRI menetapkan bahawa tugas dan kerja guru bahasa ialah sama fungsinya seperti pendakwah, iaitu manusia yang dapat menyampaikan sesuatu kebaikan di samping mencegah kemungkaran secara beradab (hikmah). Hal ini bermakna dengan bercirikan sifat-sifat kerasulan, iaitu *siddiq* (kebenaran), *amanah*, *tabligh* (*menyampaikan*), dan *fatolah* (*bijaksana*), maka seseorang guru bahasa Melayu perlu memiliki keupayaan berbahasa yang baik ketika menyampaikan pengajaran seperti yang difahami bahawa kurikulum Bahasa Melayu ialah kurikulum yang mempunyai nilai kehalusan makna atau estetika bahasa yang tinggi. Daripada hal tersebut, unsur yang menjadi penentu kepada prinsip itu ialah rasa, iaitu gerak balas perasaan dan tanggungjawab ketika menyampaikan pengajaran yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP, Bahasa Melayu Tingkatan 5, 2018).

Dalam hal ini, sesuatu yang dapat dikaitkan antara amalan atau gaya pengajaran Bahasa Melayu dengan unsur insaniah ialah setiap guru itu perlu memiliki sifat-sifat kerasulan di dalam hubungannya sebagai khalifah Allah (pemimpin dan pendidik). Oleh itu, sebagai khalifah (pendidik), seseorang guru Bahasa itu perlu memiliki ilmu pedagogi yang tinggi dan berperwatakan mulia. Hal ini selaras dalam tuntutan pendidikan yang dijelaskan di dalam surah *al-Ahzab*, ayat 21, iaitu yang bermaksud;

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang terbaik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan balasan baik hari akhirat.

Ayat di atas, merujuk kepada 'khalifah-khalifah', iaitu ditafsirkan merujuk kepada guru Bahasa Melayu yang perlu memiliki sifat-sifat kerasulan serta menyantuni sifat insaniah seperti mana yang dimiliki Rasulullah (Mohd. Affandi Hassan, 1992). Dalam hubungannya dengan amalan pengajaran guru Bahasa Melayu, guru itu perlu mengamalkan ciri-ciri kehidupan Rasulullah yang memiliki empat sifat wajib, iaitu *siddiq* (benar), *amanah*, *tabligh* (*menyampaikan*) dan *patonah*' (*bijaksana*) kerana sifat-sifat ini jika dapat dipraktikkan secara sempurna akan mampu menjadi ikutan dan merangsangkan keharmonian PdP kepada murid yang sedang mengikut pengajaran guru (Shamsudin Othman, 2023: 17). Peribadi Rasulullah ini adalah contoh ikutan terbaik yang merujuk kepada akhlak atau adab dalam ukuran peningkatan kerjaya yang perlu dimiliki oleh seseorang guru bahasa. Ismail Abdullah Siputeh (2006) menjelaskan bahawa perwatakan guru yang baik perlu memiliki ciri sifat kerasulan Nabi Muhammad SAW, iaitu seperti unsur insaniah di dalam konteks ini adalah merujuk kepada akhlak yang menjadi 'pakaian' kepada kepribadian guru Bahasa Melayu.

Atas kesedaran terhadap kewujudan unsur-unsur insaniah dalam peribadi guru bahasa maka DSKP yang diajarkan guru akan menghasilkan satu pengalaman estetik (keindahan) yang cukup tinggi kualitasnya di sisi penerimaan murid. Hal inilah yang dikatakan bahawa unsur-

unsur insaniah adalah sebahagian daripada motivasi diri yang dapat mengangkat status 'insan' dalam usaha melahirkan murid yang berwatak dalam persaingan dengan keperluan Pendidikan Abad-21 (PAK-21). Lanjutan daripada itu, guru bahasa secara umumnya harus memiliki kualiti perwatakan yang baik agar berupaya menjadi pendidik yang disegani juga dihormati (Rohana Hamzah, Tengku Norzaini, Sarimah Ismail, & Ros Eliana, 2013)

Pada dasarnya, murid akan mendapat ilmu bahasa yang disampaikan oleh guru melalui tiga saluran utama, iaitu pancaindera yang sejahtera; akal yang syumul, dan tindak-tanduk khobar yang benar. Ketiga-tiga perkara ini mempunyai kedudukan dan peranan masing-masing dalam usaha melahirkan tahap kompetensi berbahasa murid. Apatah lagi, mempelajari bahasa pula sangat terkait dengan proses peniruan dan lakonan tingkah laku. Seandainya guru bahasa tidak boleh berada pada tahap terbaik maka impaknya kepada murid adalah sangat mendukacitakan. Guru bahasa perlu menguasai suara, rasa dan bahasa tubuh sebagai alat bantu penyampaian kurikulum yang baik (Shamsudin Othman, 2023: 266). Oleh itu, unsur-unsur insaniah yang baik akan dapat mewajarkan tahap keupayaan guru dalam merasionalkan kecemerlangan PdP.

Kesimpulan

Bahasa dan sastera adalah simbol kebertanggungjawaban manusia kepada alam dan persekitarannya. Guru Bahasa dan sastera Melayu merupakan *murabbi* yang perlu seiring dengan perkembangan sains dan teknologi dalam menyampaikan ilmu. Kurikulum bahasa dan sastera Melayu adalah strategi yang berupaya merawat kecelaruan fikiran manusia bernama Melayu dan perkara ini perlu dipertahankan. Mereka perlu keluar daripada kepompong rendah diri agar dapat menjadi insani yang lebih berwibawa.

Pendidikan adalah tunjang dan landasan pembangunan insan dan negara. Kejayaan membangunkan kedua-dua aspek ini bergantung kepada tadbir urus yang sempurna. Kecemerlangan pengurusan berunsur Islam adalah bersifat menyeluruh dan mampu melahirkan modal insan kelas pertama seiring dengan hasrat pendidikan negara (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Fenomena MRI adalah refleksi kehidupan diri dan cerminan kepada masyarakat sementara pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Maka, tugas utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara efisien. Hasrat KPM untuk memartabatkan sistem pendidikan negara sejajar dengan kehendak global ini jelas digariskan dalam misinya yang terkini, iaitu misi melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara dalam konteks kemahiran insaniah.

References

- Ab. Aziz. M. Z. (2003). *Pengantar dakwah islamiah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Qadir. J. (1997). *Hakikat pengabdian* (terj.). Thinker Library Sdn. Bhd.
- Abu Hassan. D. (1987). *Ke arah keimanan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim, T., & Nur Hanani, H. (2017). *Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Harapan dan Cabaran*.
- Ainun. R. I., Zamri, M., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(2), 77-88.
- _____.(2018). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran bahasa Melayu tingkatan 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Hashim. M. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail. A. S. (2006). *Insan dari aspek etimologi dan perspektif Islam*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Jamaliah Man, Yahaya Don, & Siti Noor Ismail. (2016). Kepimpinan transformasional dan kualiti guru generasi 'Y'. *Jurnal Kepimpinan Pendidik*, 3(1), 29-42.
- Lim, K. S., Nurul Shahidah, A. N., & Abdull Sukor, S. (2023). Atribut peribadi guru yang paling ditekankan dan mempunyai konsensus dalam sistem pendidikan di lapan negara. *Journal of Education and Social Sciences*, 23(1), 1-16.
- Mahyuddin Yassin. (2020). *Himpunan teks ucapan menteri pendidikan Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marzni. M. M, Rohizani. Y, & Fadzilah Amzah. (2018). Cabaran guru bahasa melayu dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (kbat) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) penulisan karangan argumentatif. *The Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 7-14.
- Mohd. Affandi. H. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Uthman. M. (1982). *Memahami Islam, insan, ilmu dan kebudayaan*. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Mustaffa. D. (2000). *Bahasa dalam tamadun Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek. B. (2020). "Pendidikan mengadabkan insan" dlm. *Ucuptama seminar majlis dekan-dekan universiti awam*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Shafie. A. B. (1991). "Unsur-unsur Insaniah dalam Sastera" dlm. *Takmilah, himpunan makalah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsudin, O, & Ghazali, L. (2016). Penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran bahasa melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 4(1), 59-64.
- Shamsudin, O. (2023). *Model rasa insaniah dalam puisi Islam tiga penyair nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Suhaimi, A. Z. (1998). *Rasa fenomenologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor, W. D. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas satu huraian konsep asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yahya, O. (2014). The effects of metacognitive strategy in reading expository Text. *International Education Studies*, 7(13), 102-111.
- Yasein, M. (1997). *Insan yang suci: konsep fitrah keguruan dalam Islam*. Pustaka Al-Kausar.
- Zamri, M, Anita, A. R, Rasid, J., & Shamsudin, O. (2020). *Peta pemikiran kreativiti guru merangsang pemikiran pelajar*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina A. R. (2016). *Tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan dan keperluan latihan berfokuskan aplikasi kbat*. Tesis Doktorat Falsafah (tidak diterbitkan), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.